

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN  
NAINA MERICAN [ KEPALA BATAS ]**

**TARIKH : 6.4.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai sekolah harian yang mendapat status Sekolah Berprestasi Tinggi di seluruh Malaysia pada ketika ini. Apakah ada calon-calon sekolah SBT dari Pulau Pinang untuk 2014.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2014 bilangan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) adalah sebanyak 128 buah sekolah di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, terdapat 80 buah sekolah adalah berstatus SBT harian yang terdiri daripada 64 sekolah rendah dan 16 sekolah menengah.

Manakala di negeri Pulau Pinang terdapat tujuh (7) buah sekolah rendah dan lima (5) buah sekolah menengah yang diiktiraf sebagai SBP.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [ SEPANG ]**

**TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 38**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- (a) adakah Kerajaan akan membayar pampasan RM1 bilion kepada Beta Tegap Sdn. Bhd. dan ATES Sdn. Bhd. iaitu RM500 juta setiap satu sebagai penyelesaian penuh pampasan apabila Kerajaan mengambil alih AES daripada 2 syarikat tersebut; dan
- (b) adakah bayaran pampasan itu juga termasuk bayaran ke atas jumlah keuntungan masa depan (*future loss of profit/earning*) yang belum dikutip oleh kedua-dua pemegang konsesi tersebut.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kepentingan syarikat penyedia perkhidmatan AES (A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd) telah diambil alih sepenuhnya oleh syarikat Irat Properties Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Pengambilalihan ini adalah melibatkan transaksi komersial di antara pihak berkepentingan dan tidak melibatkan bayaran pampasan oleh Kerajaan kepada syarikat A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd.